# KAD LAPORAN

JANUARI - APRIL 2023

Disunting oleh:

Dr. Zalika Adam
Dr. Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman

PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM
https://pkausim.usim.edu.my/

# TERAS PKAUSIM

## TIGA TERAS UTAMA PKAUSIM ADALAH

- PENGURUSAN
- AKADEMIK
- KEBAJIKAN





Pusat Komunikasi Strategik (Stracomm) USIM - Pada 11 Januari 2023, PKAUSIM telah mengadakan satu sesi fotografi yang melibatkan 16 exco PKAUSIM di Pusat Komunikasi Strategik. Tujuan sesi fotografi ini ialah untuk menjadi bahan-bahan rasmi bagi poster-poster persatuan dan laman web PKAUSIM.

## 11 JANUARI 2023

## SESI FOTOGRAFI EXCO PKAUSIM

## PENGURUSAN






### 1 FEBRUARI 2023

### MESYUARAT KEWANGAN PKAUSIM

Bilik Mesyuarat Utama FSU & Microsoft Teams - Pada 1 Februari 2023, PKAUSIM telah mengadakan satu mesyuarat kewangan bagi membentangkan laporan kewangan persatuan sepanjang tahun 2022. Laporan menjelaskan aliran tunai masuk dan keluar persatuan secara jelas kepada ahli mesyuarat. Seramai 73 orang ahli yang dapat menghadiri mesyuarat tersebut.

# PENGURUSAN






Bilik Mesyuarat IFFAH FSU, USIM- Pada 7 Februari 2023, Mesyuarat SAIS 2023 Bil. 1 telah diadakan di bilik Mesyuarat IFFAH Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU). Perbincangan utama dalam mesyuarat ini adalah berkaitan perlantikan jawatankuasa untuk mengelola program SAIS 2023. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan proses gerak kerja dan promosi bagi mengiklankan program SAIS 2023.

## 7 FEBRUARI 2023

## MESYUARAT SAIS 2023 BILANGAN 1








Bilik Mesyuarat Utama FKP, USIM- Pada 27 Februari 2023, Mesyuarat PKAUSIM Bil. 1 telah diadakan di bilik Mesyuarat Utama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Perbincangan utama dalam mesyuarat ini adalah berkaitan cadangan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 oleh setiap biro. Laporan kewangan persatuan turut dibentangkan di dalam mesyuarat bagi menelusuri kewangan semasa persatuan.

## 27 FEBRUARI 2023

## MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 1

# KEBAJIKAN



Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM- Pada 15 Mac 2023, PKAUSIM telah mengadakan satu karnival sukan PKAUSIM yang melibatkan dua acara iaitu pertandingan bola sepak untuk staf lelaki dan bola jaring untuk staf wanita. Pertandingan ini diadakan di Kompleks Sukan Tunku Najihah bermula jam 8 pagi. Karnival ini mendapat sambutan yang baik dari pihak kakitangan akademik USIM.










## 15 MAC 2023

## KARNIVAL SUKAN PKAUSIM 2023

## AKADEMIK

Microsoft Teams - Pada 17 Mac 2023, PKAUSIM telah mengadakan satu bengkel basic saham yang disampaikan oleh seorang penganalisis ekonomi yang juga pensyarah dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) USIM, serta merupakan Timbalan Presiden PKAUSIM, Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali. Bengkel ini telah disertai oleh 50 orang staf akademik PKAUSIM.




### 17 MAC 2023
### BENGKEL BASIC SAHAM

## KEBAJIKAN

Kota Seriemas Golf & Country Club - Pada 29 Mac 2023, telah diadakan program Iftar Jamaie PKAUSIM bertempat di Kota Seriemas, Golf & Country Club. Majlis menyajikan pelbagai aneka makanan untuk para hadirin seperti nasi ayam, nasi arab, ayam korea, buah-buahan, roti canai dan lain-lain. Pengarah program Iftar Jamaie merangkap Biro Akademik & Latihan PKAUSIM, Prof Dr. Azman Ab Rahman dan Presiden PKAUSIM, Prof Dr. Irwan Mohd Subri telah menyampaikan ucapan sebelum majlis berbuka puasa dimulakan.










**29 MAC 2023**

**IFTAR JAMAIE PKAUSIM**

# KEBAJIKAN

PKAUSIM membuka permohonan sumbangan khas PKAUSIM kepada staf akademik USIM bagi beberapa jenis tuntutan seperti perkahwinan, kecemerlangan anak, persaraan, kematian, musibah dan lain-lain. Permohonan boleh dibuat melalui borang permohonan yang disertakan di poster rasmi permohonan sumbangan khas PKAUSIM.




## SUMBANGAN KHAS PKAUSIM

## PENGURUSAN

Pada 1 April 2023, PKAUSIM telah melantik En. Wan Muhammad Shaker bin Wan Adnan sebagai setiausaha kerja baru bagi menggantikan Puan Fatin Huwaina binti Ahmad yang telah menamatkan tempoh perkhidmatannya dengan PKAUSIM berkuat kuasa 1 April 2023. PKAUSIM mengucapkan ribuan terima kasih atas perkhidmatam Puan Fatin sepanjang bersama dengan persatuan.




### 1 APRIL 2023

### LAPOR DIRI SETIAUSAHA GERAK KERJA PKAUSIM KETIGA & PENGHARGAAN KEPADA SETIAUSAHA GERAK KERJA PKAUSIM KEDUA

# "Hendak Seribu Daya, Tak Mahu Seribu Dalih"

## Biro Multimedia PKAUSIM